

SYARAT-SYARAT KELULUSAN LESEN PREMIS : PREMIS MAKANAN

1. Lesen ini sah selama satu tahun dari tarikh pembayaran dan hendaklah diperbaharui tujuh(7) hari sebelum tamat tempoh lesen.
2. Penyediaan dan penjualan makanan hendaklah mematuhi Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian Majlis Daerah Selama 1984, Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan majlis Daerah Selama 1984, dan Undang-Undang Kecil Kebersihan Awam Majlis Daerah Selama 1985.
3. Pelesen dan pengendali makanan di bawah pengurusannya hendaklah menjalani pemeriksaan dan diakui layak untuk mengendalikan makanan oleh Pegawai Kesihatan Daerah.
4. Pelesen hendaklah sentiasa menjaga premis berlesennya (termasuk longkang) supaya berada dalam keadaan bersih.
5. Pelesen tidak boleh membenarkan cecair kotor atau lain-lain bahan mengganggu dilonggok, ditumpah atau diserak ke dalam longkang atau lain-lain tempat.
6. Hendaklah memasang sistem/alat perangkap minyak dan sisa makanan (grease trap) pada sinki.
7. Menjaga kebersihan diri dan peralatan makanan dan pengendali makanan hendaklah memakai apron dan penutup kepala.
8. Tidak mencemarkan makanan yang telah dimasak/sedia dihidang, gunakan penyepit atau senduk, melindungi makanan dari dicemari lalat dan lipas.
9. Menggunakan papan pemotong berasingan untuk makanan mentah dan makanan yang telah dimasak .
10. Tidak menggunakan peralatan yang kotor, retak atau sumbing dan tidak menggunakan kertas bercetak untuk membungkus makanan.
11. Menggunakan kain pengelap berasingan untuk makanan mentah dan makanan yang telah dimasak.
12. Mempamerkan notis-notis kebersihan dan kesihatan seperti “Basuh Tangan Sebelum Makan”, “Ditegah Meludah” dan sebagainya.
13. Tandas Persendirian hendaklah diselenggara dengan bersih dan disediakan kemudahan membasuh tangan.
14. Pelesen hendaklah memastikan bahawa yang keadaan bersesak-sesak tidak berlaku.
15. Pelesen hendaklah memastikan bahawa kehendak Kebomgaan dipatuhi (kelengkapan menentang kebakaran yang cukup dipasang)
16. Pelesen tidak boleh membakar bahan-bahan pembakar atau sampah sarap secara terbuka.
17. Mematuhi arahan Yang Dipertua Majlis Daerah Selama dari masa ke semasa.

Pelanggaran mana-mana syarat di atas adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan kompon.

Dengan Perintah,

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SELAMA

